

UCAPAN MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR ATAS ANGGARAN BELANJAWAN UNTUK KEMENTERIAN LUAR BANDAR DI DEWAN RAKYAT, PADA 24HB JANUARI, 1962

Tuan Yang Dipertua¹.

Saya meminta kebenaran membentangkan kepala S. 48 sampai Kepala S. 53 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam membentangkan Anggaran Belanjawan untuk Kementerian Luar Bandar ini, saya suka mengulangkan apa yang saya sebutkan dalam tahun yang lalu iaitu tugas yang besar sekali bagi Kementerian ini ialah menyatukan susunan kerja-kerja Kementerian dan Pejabat-pejabat Kerajaan untuk melancarkan rancangan-rancangan pembangunan di kawasan luar bandar. Tujuan Kerajaan tidak hendak menjadikan Kementerian ini sebagai satu badan susunan yang besar, maka Anggaran Belanjawan bagi tahun ini sebenarnya tidak banyak bezanya jika dibandingkan dengan Anggaran Belanjawan tahun lepas. Perbezaan yang nampak mengenai jumlah besar itu ialah disebabkan oleh peruntukan bagi Pelajaran Dewasa sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum iaitu kita hanya dapat menggunakan dari bulan April 1961.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah mengetahui bahawa sungguh pun bentuk Kementerian ini tidak begitu besar tetapi matalamat dan bidang tujuannya adalah meliputi jurusan-jurusan yang lebih luas oleh sebab adalah menjadi dasar tertentu oleh Kerajaan Perikatan mengadakan kemudahan-kemudahan dan kesenangan-kesenangan bagi kampung-kampung dalam negeri ini walau pun di kampung-kampung yang terpencil di kawasan luar bandar. Saya yakin dan percaya bahawa hasil-hasil pekerjaan kita akan menjadi lebih baik dan lebih luas lagi jika sekiranya dapat kita satukan dan salurkan segala usaha-usaha dan kerja-kerja tiap-tiap Jabatan itu dengan melalui satu badan supaya tidaklah

¹ Datuk Haji Mohd Noah bin Omar.

akan berlapis atau bertindan-tindan segala usaha-usaha yang bertujuan hendak meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar. Oleh yang demikian, baharu-baharu ini Kerajaan telah menukar nama Jawatankuasa Kerja Pusat Rancangan Lima Tahun Yang Kedua itu kepada Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Kebangsaan. Jawatankuasa ini adalah ditugaskan menyemak dan menapis segala cadangan-cadangan yang dikesemukakan oleh Kementerian-kementerian dan Jabatan Kerajaan di dalam Belanjawan Pembangunan mereka masing-masing. Tujuan besar rancangan itu bukan sahaja untuk mengelakkan berlakunya pekerjaan-perkerjaan yang berlapis-lapis yang akan membazirkan wang rakyat tetapi peraturan itu adalah dibuat oleh kerana memikirkan sangat mustahak segala perancangan dan pelaksanaan sesuatu rancangan itu dapat dilaksanakan dengan lebih licin lagi. Selari dengan dasar ini, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, kita telah membina satu Bilik Gerakan Pembangunan Kebangsaan yang dijadikan pusat gerakan pembangunan bagi negeri-negeri kita. Di dalam Bilik Gerakan itu bukan sahaja dicatitkan rancangan-rancangan bagi tiap-tiap Kementerian tetapi adalah juga ditunjukkan kemajuan-kemajuan yang sudah dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa. Bilik itu, adalah digunakan sebagai bilik menjalankan tindakan, bilik mendapatkan kejayaan dan bilik menunjukkan jasa dan bukan bilik tempat menghamburkan kata-kata sahaja. Penerangan-penerangan daripada Ketua-ketua Pejabat Kerajaan mengenai pelaksanaan sesuatu rancangan selalu dan kerap kali diadakan dalam bilik ini. Penerangan-penerangan tersebut telah dapat menyempurnakan dua tujuan iaitu bukan sahaja kita boleh menyemak setakat mana kejayaan yang telah tercapai tetapi kita telah juga dapat mengetahui sebab-sebabnya maka sesuatu rancangan itu lambat dilaksanakan dan dengan itu dapatlah kita mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperbaiki keadaan itu dengan tidak membuang masa lagi. Maka dengan penerangan-penerangan tersebut serta dengan lawatan-lawatan yang diperbuat oleh Menteri dan pegawai-pegawai dapatlah ditentukan di mana punca-punca yang menyebabkan kelengahan itu dan mempercepatkan pelaksanaan Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Saya dengan sukacitanya menegaskan bahawa kemajuan rancangan-rancangan kita dalam tahun yang sudah adalah memuaskan hati. Rancangan-rancangan bagi tahun 1961 telah pun dapat dijayakan dengan banyaknya dalam masa yang dianggarkan. Berhubung dengan kejayaan itu, saya suka mengambil peluang di sini mengucapkan terima kasih kepada

pegawai-pegawai berkenaan sama ada pegawai-pegawai Persekutuan ataupun pegawai-pegawai Negeri, yang telah kerkhidmat bersungguh-sungguh dengan tidak memikirkan penat lelah dengan bekerja terkadang-kadang di luar masa pekerjaan dan selalu pula terpaksa mengorbankan hari-hari kelepasan mereka itu.

Serentak dengan usaha-usaha Kerajaan memberi kemudahan-kemudahan kepada penduduk-penduduk luar bandar, Kerajaan telah melancarkan Rancangan Pembangunan Luar Bandar Peringkat Kedua dalam bulan September, 1961. Tujuan asas Peringkat yang Kedua ini ialah menghidupkan semula semangat berdiri atas kaki sendiri dan semangat gotong royong iaitu semangat Merdeka yang sudah memang ada pada kita berturun-temurun. Adalah menjadi keazaman kepada Kerajaan Perikatan hendak mengisi serta memberi makna kepada Kemerdekaan negara kita ini dengan memupuk dan mengembangkan Jiwa Merdeka di kalangan penduduk-penduduk di luar bandar. Bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa tidak ada satu rancangan pembangunan Kerajaan yang boleh berjaya dengan sebenarnya jika sekiranya tidak dengan kemahuan rakyat sendiri. Maka adalah menjadi dasar Kerajaan sekarang ini supaya rancangan Pembangunan Luar Bandar itu adalah sebenar-benarnya rancangan rakyat sendiri. Dalam melancarkan Rancangan Pembangunan Luar Bandar Peringkat Kedua ini berertilah Kerajaan bertujuan hendak melaksanakan rancangan pembangunan luar bandar bersama-sama berganding tangan dengan rakyat iaitu rancangan rakyat untuk faedah rakyat. Bagi melaksanakan tujuan ini Kerajaan telah membentuk di kampung-kampung yang besar Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan yang ahli-ahlinya terdiri daripada orang-orang yang berpengaruh di kampung itu. Maka jawatankuasa-jawatankuasa ini adalah dipimpin oleh Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar Daerah, dan tugas mereka ialah menjalankan ikhtiar-ikhtiar yang patut bagi memberi kerjasama untuk menjayakan kemajuan di kampung-kampung mereka serta menjalankan usaha bagi meninggikan taraf hidup mereka sendiri. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk melatih ahli-ahli Jawatankuasa tersebut di dalam menjalankan tugas mereka. Sambil itu pula, penduduk-penduduk di luar bandar adalah digalakkan dan jika difikirkan mustahak, dibantu bagi menambahkan pendapatan mereka itu dengan membaiki cara mereka itu bercucuk tanam, meninggikan mutu perusahaan-perusahaan kecil mereka dan

dengan menanamkan Jiwa Merdeka iaitu maknanya "Ingin Maju, Sanggup Bekerja, Terus Berusaha, Tetap Jaya".

Satu daripada perkara-perkara yang mustahak sekali di dalam bidang pembangunan luar bandar ini ialah rancangan Kerajaan memberi tanah kepada orang-orang yang tak mempunyai tanah dan orang-orang yang mempunyai tanah tetapi pendapatan mereka dari tanah itu tidak mencukupi bagi sara hidup mereka. Dengan melaksanakan dasar ini, Kerajaan percaya bahawa dapatlah keamanan, keadilan dan kemakmuran dicapai dan terjamin dalam negeri kita ini. Oleh yang demikian, adalah dasar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi berusaha bersungguh-sungguh untuk memberi tanah kepada mereka-mereka yang dahagakan tanah dan kepada mereka-mereka yang berusaha atau pun bersedia mengusahakan tanah itu dengan sepenuh-penuhnya. Oleh kerana memikirkan bahawa menanam getah dalam rancangan kemajuan tanah cara besar-besaran ini supaya pokok-pokoknya tumbuh dengan subur adalah berkehendakkan satu rancangan yang tegas dan teratur dengan sebab itulah dasar pembangunan tanah di bawah Rancangan Kawasan Penempatan Beramai-ramai (Group Settlement Scheme) telah ditukar sedikit coraknya mengikut pengalaman yang telah didapati. Pada permulaannya, pembukaan tanah di bawah Rancangan Kawasan Penempatan Beramai-ramai (Group Settlement Scheme) termasuk juga Rancangan Pinggir adalah dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri manakala Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan menjalankan rancangan-rancangan yang besar-besar sahaja. Di dalam mesyuaratnya pada 25hb July, 1961, Majlis Mesyuarat Tanah Kebangsaan (National Land Council) telah mengambil keputusan bahawa semua rancangan-rancangan pembangunan tanah yang lebih daripada 2,000 ekar luasnya hendaklah diselenggarakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan bagi pihak Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah mengutamakan pembahagian tanah di bawah Rancangan Pinggir sahaja. Keputusan ini telah diambil dengan mengikut pendapat-pendapat serta sokongan daripada sebuah Jawatankuasa Khas yang telah saya lantik untuk menyemak kemajuan yang dicapai dalam rancangan-rancangan tanah.

Menurut dasar tersebut, maka Rancangan-rancangan Kawasan Penempatan Beramai-ramai (Group Settlement Scheme) yang dahulunya diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri telah diserahkan

ke dalam jagaan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju dengan keputusan ini dan saya percaya ini adalah akan menyenangkan lagi pentadbiran dan kawalan rancangan-rancangan kemajuan tanah itu. Bagi pihak Kerajaan Negeri tentulah ada meneruskan juga bantuan-bantuan dan sokongan mereka kepada rancangan-rancangan ini yang sebenar-benarnya memanglah rancangan-rancangan mereka itu sendiri. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan hanyalah membantu dalam pentadbiran dan menentukan kejayaannya sahaja. Sungguhpun demikian, dasar tersebut itu tidaklah meliputi Rancangan Kawasan Pinggir. Kerajaan Negeri telah pun diminta supaya memperluaskan lagi rancangan-rancangan pinggir mereka yang ada sekarang ini. Kerajaan Persekutuan akan terus memberi wang bantuan dan wang pinjaman untuk belanja menebang menebas selain daripada pemberian percuma seperti baja dan benih-benih.

Jabatan Sukat dengan dibantu oleh dua belas orang Juru Ukur dari New Zealand di bawah anjuran Rancangan Colombo telah bersungguh-sungguh menjalankan tugasnya bagi menyempurnakan kerja-kerja mengukur tanah untuk kemajuan di bawah anjuran Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan juga di bawah Rancangan Kawasan Pinggir. Saya sukacita menyatakan bahawa. kemajuan dalam masaalah mengukur tanah telah memuaskan hati. Begitulah juga Jabatan Lombong dan Galian bersama-sama dengan Jabatan Kaji Bumi telah pun dapat mencepatkan pembukaan lebih banyak lagi tanah-tanah yang menasabah untuk kemajuan iaitu dengan jalan kedua-dua jabatan itu bersama-sama dapat menyiasat serta memberi kebenaran dengan segeranya akan kawasan-kawasan itu dari segi galian.

Berkaitan dengan dasar kebangsaan hendak menggalakkan orang-orang Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan-perusahaan melombong sukaulah saya menyatakan iaitu Jabatan Lombong dan Galian telah pun menentukan kawasan-kawasan yang didapati menasabah dan yang dianggap mengandungi bijih timah, dalam kawasan Simpanan Melayu di dalam negeri Perak dan Selangor. Untuk penyiasatan permulaan berkenaan dengan isi bumi satu rancangan untuk membuat penyelidikan permulaan di dalam kawasan-kawasan ini telahpun diatur dan ditetapkan. Adalah dianggarkan pekerjaan menyiasat isi galian ini akan memakan belanja sebanyak \$468,500 dan peruntukannya akan dibuat dari satu masa ke satu masa di bawah Kepala 48. Ceraian

5: dalam Anggaran Perbelanjaan ini. Dalam tahun ini peruntukan mengenainya berjumlah \$170,000. Pada melaksanakan rancangan itu adalah dijangkakan satu Pasukan Penyiasatan Galian akan digunakan dengan sepenuhnya dan harus pula penyiasatan ini akan mengambil masa dari tiga hingga empat tahun.

Tuan Yang Dipertua,

Sekarang suka saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada segala Kepala Belanjawan di bawah 48 sampai 53. Jika dibandingkan dengan perbelanjaan tahun yang lepas, jumlah perbelanjaan di bawah Kepala 48 telah bertambah sebanyak \$5.5 juta dan jumlah besarnya telah menjadi \$11.4 juta. Yang menyebabkan ini ialah pada masa membahaskan Anggaran Belanjawan tahun 1961 dalam bulan Disember, 1960 itu Pelajaran Dewasa belumlah menjadi tanggungjawab Kementerian ini dan oleh itu peruntukan bagi Pelajaran Dewasa untuk tahun 1961 hanyalah dimasukkan lepas bulan April, 1961. Tambahan lagi, Jawatan Pegawai-pegawai Kemajuan yang sebanyak sepuluh orang yang dahulunya dimasukkan di bawah RIDA, sekarang ini telah dimasukkan di bawah Kepala 48 dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Ini hanyalah satu pertukaran peruntukan dan tidak akan mengubah peruntukan-peruntukan pada keseluruhannya.

Pelajaran Dewasa adalah mengambil peranan yang penting bagi melaksanakan Rancangan Pembangunan Luar Bandar Peringkat Kedua. Sebagai berkehendakkan rakyat menyertai rancangan-rancangan kemajuan itu dengan sepenuh-penuhnya, mereka mestilah memahami apa yang mereka patut perbuat dan satu daripada jalan-jalan yang baik sekali untuk melaksanakannya ialah dengan memberi pelajaran dewasa. Sukacita saya menyatakan iaitu dalam tempoh enam minggu sahaja kemudian daripada kelas-kelas pelajaran dewasa itu dibuka di seluruh Persekutuan dalam tahun yang lalu, kebanyakan daripada pelajar-pelajar dewasa sudah pun mengenal, A, B, C, mengeja suku-suku kata serta membuat perkataan-perkataan dan ayat-ayat yang senang. Dan semenjak Rancangan Pelajaran Dewasa dipindahkan ke bawah arahan Kementerian ini daripada Persatuan Pelajaran Dewasa, jumlah kelas-kelas pelajaran dewasa telah bertambah dari lebih kurang 300 buah kepada 6,000 kelas-kelas dan adalah dianggarkan iaitu pada penghujung tahun 1962 jumlah ini akan meningkat naik lebih daripada 9,000. Kejayaan yang gilang-gemilang ini adalah

hasil daripada sambutan yang berluasan daripada penduduk-penduduk luar bandar dalam penubuhan Kelas-kelas Dewasa.

Dalam tahun 1962 ini kita akan dapat menyaksikan pelaksanaan dua projek baharu dalam Rancangan Pelajaran Dewasa. Dalam bulan Mac, tahun ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar bercadang hendak mengeluarkan sebuah majalah untuk Pelajar-pelajar pelajaran Dewasa. Pada keseluruhannya dalam tahun 1961 dengan penuh saling mengerti dan kerjasama di antara pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan semua Kementerian serta jabatan-jabatan Kerajaan maka banyaklah sudah kemajuan-kemajuan untuk memperbaiki keadaan di kawasan-kawasan luar bandar telah dapat tercapai.

Bilik Gerakan Kebangsaan kita sekarang ini sudahlah menjadi satu pusat tumpuan untuk segala pelawat-pelawat dari dalam dan luar negeri. Sambutan yang penuh sudah juga didapati daripada penduduk-penduduk kawasan luar bandar ialah dengan kesedaran mereka itu di atas bagaimana ikhlas dan bersungguh-sungguhnya Kerajaan berusaha untuk membela dan memperbaiki keadaan hidup mereka.

Sekiranya pendorongan semangat perkhidmatan yang seumpama ini dapat diteruskan dengan lancarnya dari pegawai-pegawai Kerajaan dan juga dari pihak-pihak rakyat sendiri maka bolehlah kita menaruh penuh keyakinan bahawa rancangan Pembangunan kebangsaan kita amnya dan Rancangan Pembangunan Luar Bandar khasnya akan berjaya.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini benarkan saya mengesyorkan supaya kepala 48 hingga 53 diluluskan.